

KENYATAAN MEDIA

24 OGOS 2018

ST Tumpaskan Sindiket Curi Elektrik

Putrajaya, 24 Ogos – Satu operasi besar-besaran yang diketuai oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) di sekitar Semenyih, Selangor baru-baru ini berjaya menumpaskan sebuah sindiket yang dipercayai melakukan kegiatan curi elektrik dengan mengusik pemasangan meter milik Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kesan usikan pemasangan meter ini telah mengakibatkan TNB kerugian kira-kira RM2 juta.

Operasi bersepadu yang diketuai oleh Ketua Unit Penguatkuasaan ST ini melibatkan lebih 100 kakitangan dari ST, Polis Diraja Malaysia (PDRM), TNB serta Polis Bantuan TNB. Sebanyak 14 premis perniagaan didapati melakukan kesalahan tersebut. Siasatan mendapati modus operandi premis yang terlibat hampir sama dengan premis yang pernah diserbu sebelum ini, iaitu dengan membuat sambungan terus daripada bekalan milik TNB ke beban pengguna.

Selain itu, hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa premis lain yang mengubahsuai pemasangan meter TNB. ST sedang menjalankan siasatan terperinci ke atas pemilik akaun TNB serta pemilik premis yang berkenaan sebelum mengambil tindakan mahkamah.

Perbuatan mengusik pemasangan elektrik adalah menyalahi Akta Bekalan Elektrik 1990, di mana jika didapati bersalah, hukuman denda sehingga RM1 juta dan penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya, denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

ST ingin mengingatkan agar semua pengguna elektrik sama ada penghuni rumah, perniagaan mahupun kilang atau industri tidak terlibat dengan aktiviti menggunakan tenaga secara haram yang boleh menyebabkan mereka diambil tindakan undang-undang.

*****Tamat*****

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali
Unit Promosi & Komunikasi
Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliati)
Faks: +603 8888 8636
Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my*

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.